



**IKLAN JAWATAN KOSONG  
HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH (HSAAS)**

Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan berdasarkan syarat yang ditetapkan untuk mengisi jawatan bertaraf **TETAP** di **HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH (HSAAS)** sebagaimana dalam jadual di bawah.

<b>BIL.</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>GRED</b>	<b>TARAF JAWATAN</b>
<b>KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>			
1.	Jururawat	U41	Tetap
2.	Juru X-Ray	U41	Tetap
3.	Pegawai Farmasi	UF48	Tetap
4.	Pegawai Farmasi	UF41	Tetap
5.	Pegawai Kewangan	W41	Tetap
6.	Pegawai Optometri	U41	Tetap
7.	Pegawai Pemulihan Perubatan	U41	Tetap
8.	Pegawai Perubatan Pakar	UD53	Tetap
9.	Pegawai Perubatan	UD43	Tetap
10.	Pegawai Psikologi	S41	Tetap
11.	Pegawai Sains	C41	Tetap
12.	Pegawai Tadbir	N41	Tetap
13.	Pegawai Teknologi Maklumat	F41	Tetap
14.	Penolong Pegawai Perubatan	U41	Tetap
<b>KUMPULAN PELAKSANA</b>			
15.	Jurupulih Perubatan	U29	Tetap
16.	Jururawat	U29	Tetap
17.	Juruteknologi Makmal Perubatan	U29	Tetap
18.	Juru X-Ray	U29	Tetap
19.	Pemandu Kenderaan	H11	Tetap
20.	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11	Tetap
21.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	Tetap
22.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	Tetap
23.	Penolong Akauntan	W29	Tetap
24.	Penolong Jurutera	JA29	Tetap
25.	Penolong Pegawai Keselamatan	KP29	Tetap
26.	Penolong Pegawai Perubatan	U29	Tetap
27.	Penolong Pegawai Tadbir	N29	Tetap

## SYARAT UMUM PERMOHONAN

- 1) Calon mestilah Warganegara Malaysia.
- 2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- 3) Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan:
  - a) Had umur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 50 tahun;
  - b) Had umur pelantikan bagi Peningkatan Secara Lantikan (PSL):
    - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan wajib 55 atau 56 tahun; atau
    - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan wajib 58 tahun; atau
    - iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan wajib 60 tahun.
- 4) Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## CARA MEMOHON

- 1) Permohonan jawatan perlu dibuat melalui Sistem Permohonan Jawatan Secara Atas Talian (eJOBS) yang boleh dicapai melalui:  
**Laman Web Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS):**  
<https://hsaas.upm.edu.my>  
**Laman Web Pejabat Pendaftar UPM:** <https://pendaftar.upm.edu.my>
- 2) Hanya calon yang **layak dan melepasi proses saringan sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.**
- 3) Permohonan yang **tidak lengkap tidak akan diproses.**
- 4) Calon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh **enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan** adalah dianggap tidak berjaya.

Tarikh tutup iklan: **21 Ogos 2023 (Isnin)**

Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Pejabat Pendaftar  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
SELANGOR

7 Ogos 2023